



KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PEMAKLUMAN MEJA BANTUAN SISTEM FRANGKI DIGITAL 2.0 (DIGITAL FRANKING SYSTEM 2.0)

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sedang melaksanakan proses baharu permohonan penyetakan melalui pengenalan **Sistem Frangki Digital 2.0 (Digital Franking System 2.0 @ DFS 2.0)** secara berperingkat sebagai menggantikan DFS 1.0 yang telah digunakan sejak tahun 2011.

Fasa pertama pelaksanaan telah bermula pada 29 Jun 2018 melibatkan Kaunter Duti Setem LHDNM Pejabat Satelit Cyberjaya. Pelaksanaan fasa kedua akan bermula pada 30 Julai 2018 (Isnin) melibatkan semua Pejabat Setem LHDNM sekitar Lembah Klang, manakala fasa terakhir pula akan bermula pada 30 Ogos 2018 di semua Pejabat Duti Setem LHDNM seluruh Negara.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan sistem ini, LHDNM telah mewujudkan Meja Bantuan DFS 2.0 yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan berkaitan DFS 2.0. Talian dan e-mel yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

Telefon	03-8313 8888 Sambungan: 21279 atau 21555
e-mel	dfs@hasil.gov.my

#

Sekian, Terima Kasih



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21676 / 21668 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 27 Julai 2018